

## **Pensyarah UTHM sambut baik pengurniaan pesawat oleh Sultan Johor**

<http://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1644942>

**21 September 2018**

**Oleh Kamarul Halim M Kamal**

BATU PAHAT, 21 Sept (Bernama) – Pengurniaan pesawat jenis Lake Renegade LA-270 kepada Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) oleh Sultan Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar yang diumumkan semalam disambut baik kerana akan memudahkan pengajaran dan pembelajaran bidang kejuruteraan aeronautik.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan UTHM, Prof Madya Dr Shahrudin Mahzan@Mohd Zin berkata sebelum ini pengajaran dan pembelajaran kebanyakannya dijalankan secara teori sahaja.

Katanya pelajar juga perlu melakukan sesi pembelajaran praktikal dengan ‘menumpang’ di institusi pengajian swasta yang mempunyai pesawat sebenar yang mampu terbang berbanding dengan yang dimiliki oleh UTHM ketika ini yang tidak boleh diterbangkan .

Dengan pengurniaan pesawat berkenaan, ia sekali gus akan membantu UTHM dalam usahanya membangunkan sebuah pusat pengajiannya di Tanjung Laboh, di sini dengan menempatkan sebuah landasan kapal terbang, bangunan pentadbiran serta bengkel bagi keperluan sesi pengajaran terbabit, katanya.

“Dengan adanya kemudahan terbabit, pihak kami yakin akan melahirkan lebih ramai lagi individu yang bakal memenuhi keperluan industri penerbangan di masa akan datang,” katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.....